



- 1 Bagaimanakah Perak membebaskan diri daripada naungan Aceh pada abad ke-17?
- A Mendapatkan bantuan daripada Siam
 - B Membentuk pasukan ketenteraan yang kuat
 - C Mendapatkan perlindungan British dengan menggunakan bijih timah
 - D Mendapatkan perlindungan Portugis di Melaka dengan menggunakan bijih timah
- 2 Apakah peranan yang dimainkan oleh Kuala Sepetang dalam aspek perlombongan bijih timah di Perak?
- A Pusat pentadbiran
 - B Pusat perdagangan bijih timah
 - C Pelabuhan untuk mengangkut bijih timah
 - D Pusat pengutipan cukai berkaitan aktiviti perlombongan
- 3 Berikut menerangkan salah satu kaedah yang digunakan untuk melombong emas.



Apakah kaedah tersebut?

- A Melampan
- B Pam kelikir
- C Mendulang
- D Lombong dedah

- 4 Berikut menunjukkan isu yang berlaku di Negeri Sembilan.



Apakah kesan akibat peristiwa tersebut?

- A Rakyat tidak bersatu padu
 - B Petempatan Residen di Pahang
 - C Peperangan antara pembesar Melayu
 - D Pembesar kehilangan hak memungut cukai
- 5 Jadual berikut berkaitan dengan suatu peristiwa.

Tahun	Peristiwa
1888	Pelantikan Residen British di Pahang

Apakah alasan British berbuat demikian?

- A Krisis pewarisan takhta
 - B Pembunuhan pedagang
 - C Pergaduhan kongsi gelap
 - D Menguasai pasaran tempatan
- 6 Berikut merupakan perbualan antara Sultan Ahmad dan pengikutnya.



Apakah tindakan yang dilakukan British untuk menyelesaikan masalah tersebut?

- A Menawarkan ganjaran yang lumayan
- B Menggulingkan Sultan Ahmad daripada takhta
- C Mewujudkan pertelingkahan dalam kalangan pembesar
- D Meminta bantuan Sultan Abu Bakar untuk memujuk Sultan Ahma

7 Maklumat berikut menerangkan isu yang berlaku di Perak pada abad ke-19.

- Perebutan takhta antara Raja Abdullah, Sultan Ismail dan Raja Yusuf
- Pergaduhan antara kumpulan Gee Hin dan Hai San

Bagaimanakah isu tersebut diselesaikan?

- A Merangka pelan perdamaian
 - B Melalui kekuatan ketenteraan
 - C Pengenalan undang-undang Barat
 - D Menandatangani Perjanjian Pangkor
- 8 Antara berikut, negeri manakah yang terakhir menerima sistem Residen?
- A Negeri Sembilan
 - B Selangor
 - C Pahang
 - D Perak
- 9 Bagaimanakah Sistem Residen menyebabkan kewibawaan Sultan tercabar?
- A Semua nasihat Residen mesti dipatuhi
 - B Residen gagal melakukan tugas dengan baik
 - C Residen membantu Sultan memerintah negeri
 - D Residen mencampuri hal berkaitan agama Islam
- 10 Apakah tujuan pembentukan Durbar?
- A Menyeragamkan pentadbiran
 - B Mengembalikan kuasa Majlis Mesyuarat Negeri
 - C Mendapatkan sokongan Raja-raja Melayu terhadap Persekutuan 1896
 - D Meminta pandangan Raja-raja Melayu untuk menambah baik pentadbiran British

11 Apakah tindakan yang dilakukan oleh Long Jaafar dan Ngah Ibrahim untuk memajukan perlombongan bijih timah di Klian Pauh dan Klian Baru?

- A** Membawa masuk pelombong Cina
- B** Memeterai perjanjian menjual bijih timah
- C** Memperkenalkan teknik melombong yang lebih canggih
- D** Membina pusat pengutipan cukai di kawasan berhampiran


12 Apakah daerah yang diserahkan oleh pemerintah Sungai Ujong kepada Kesultanan Selangor?

- I** Lukut
 - II** Kajang
 - III** Semenyih
 - IV** Seremban
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

13 Apakah kaedah yang digunakan oleh orang Eropah untuk melombong emas di Pahang pada abad ke-19?

- I** Pam kelikir
 - II** Kapal korek
 - III** Lombong dedah
 - IV** Lombong bawah tanah
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

14 Berikut menunjukkan sebab British perlu menamatkan Perang Larut.



Apakah X?

- A Angka kematian yang tinggi
- B Kemusnahan harta awam yang banyak
- C Perdagangan bijih timah di negeri-negeri Selat terjejas
- D Sultan Perak memohon bantuan British untuk menamatkan peperangan

15 Mengapakah Dato' Kelana dan Dato' Syahbandar berebut untuk menguasai Sungai Linggi?

- A Kawasan yang kaya dengan emas
- B Kawasan yang kaya dengan bijih timah
- C Pelabuhan yang disinggahi banyak kapal
- D Pendapatan lumayan hasil daripada aktiviti memungut cukai

16 Berikut merupakan jawatan yang diperkenalkan British ketika pelaksanaan Sistem Residen.

- Pegawai Majistret
- Pemungut Hasil

Apakah kesan akibat kewujudan jawatan tersebut?

- A Sultan dan pembesar kehilangan kuasa dalam pentadbiran
- B Sultan dan pembesar kehilangan hak memungut cukai
- C Kehidupan rakyat bertambah sukar
- D Amalan perhambaan dihapuskan

17 Berikut merupakan masalah pentadbiran yang dihadapi British.

Pentadbiran di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang adalah tidak seragam walaupun keempat-empat negeri tersebut menggunakan sistem yang sama, iaitu Sistem Residen.

Mengapakah timbulnya masalah tersebut?

- A Kewujudan kumpulan penentang kerajaan
- B Hasil yang dikeluarkan setiap negeri adalah berbeza
- C Pentadbiran setiap negeri terikat dengan syarat yang diberikan sultan
- D Setiap negeri mempunyai undang-undang tersendiri berdasarkan Residen yang memerintah


18 Berikut merupakan salah satu faktor pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Menangani krisis kewangan Pahang

Mengapakah Pahang mengalami krisis kewangan?

- A Pahang gagal dimajukan
- B Pergaduhan antara kongsi gelap Cina
- C Pahang kehabisan sumber alam yang berharga
- D Kebangkitan rakyat tempatan menentang British

19 Berikut merupakan keahlian Majlis Mesyuarat Persekutuan 1909.



Apakah Y?

- A Empat ketua kaum
- B Empat penasihat am
- C Empat ahli tidak rasmi
- D Empat kumpulan cina

20 Berikut menunjukkan perbualan antara Lily dan Mei Lee.

Durbar pertama tidak menghasilkan sebarang kepentingan pentadbiran kepada orang Melayu.



Benar. Perkara yang dibincangkan adalah amat terhad.

Apakah tindakan yang dilakukan raja Melayu untuk mengatasi masalah tersebut?

- A Mendesak Durbar diadakan dengan lebih kerap
- B Mendesak penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan
- C Memberi teguran-teguran yang bernas pada Durbar seterusnya
- D Mendesak kuasa Pesuruhjaya Tinggi British dan Residen Jeneral dikurangkan